

PSB - Bahagian Arkib

From: UUM CORPORATE COMM.
Sent: Sunday, 8 December, 2019 3:07 PM
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Subject: Gala Dinner Kongres PPIM Erat Silaturahmi



UUM Corporate Comm.
Universiti Utara Malaysia

8 DISEMBER 2019 / 11 RABIULAKHIR 1441H

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Oleh: Siti Fatimah Abdullah
Gambar oleh: Muhammad Shamsul Shafie

GALA DINNER KONGRES PPIM ERAT SILATURAHIM



UUM ONLINE: Gala Dinner Kongres PPIM yang berlangsung dalam suasana meriah di Dewan Muadzam Shah, baru-baru ini mengeratkan hubungan silaturahim antara barisan kepimpinan Persatuan Pelajar Indonesia (PPI) di seluruh Malaysia.

“Malaysia dan Indonesia telah menjalin hubungan sejak dahulu lagi. Sejarah Malaysia dan Indonesia sudah lama terbina misalnya rakyat Malaysia merantau ke Indonesia untuk belajar ilmu dengan guru-guru di Indonesia.

“Semestinya Malaysia terutang budi kerana telah melatih rakyat kita jadi tidak ada masalah jika kita berkongsi *best practices* memandangkan kita juga merupakan satu rumpun,” ucapnya.

Kongres Persatuan Pelajar Indonesia ke-21 ini telah dihadiri oleh Atase Pendidikan, Dr. Mokhammad Farid Maruf yang menyokong penuh program seumpama ini.

“Tahniah kepada UUM kerana menganjurkan program seperti ini,” ujarnya.

Sementara itu, Ketua PPIM, Muhammad Ammar Naufal berkata, majlis ini bertujuan untuk memberikan apresiasi penghargaan kepada Persatuan Pelajar Indonesia (PPI) di seluruh Malaysia yang memiliki program yang inovatif dan kontributif.

“Menerusi majlis ini, kita boleh melontarkan idea dan perkongsian perkara yang penting dan saya yakin pelbagai input diperoleh dengan adanya perbincangan.

“Semua presiden PPI di seluruh Universiti Awam berkumpul di sini untuk pemilihan presiden PPIM yang baru bagi tahun 2020 dan kali ini UUM sebagai tuan rumah bagi proses pemilihan tersebut,” katanya pada program anjuran PPIM dan CIAC.

Manakala mahasiswa UUM, Silva Nisrina Arii Tuo menyifatkan pengisian pada acara itu sangat menarik termasuk sajian makanan istimewa dan persembahan kreatif yang menghiburkan yang ditampilkan oleh para pelajar.

“Kami mendapatkan manfaat yang begitu banyak seperti ilmu dan pengalaman yang luar biasa di samping mengenal staf UUM dan berkenalan dengan peserta yang datang dari seluruh universiti di Malaysia.

“Kami banyak belajar tentang bagaimana mengurus acara yang besar ini dan kami hanya bisa mengucapkan terima kasih khususnya kepada seluruh pihak UUM,” luahnya.



 Please consider the environment before printing this e-mail



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.